

Selepas pensyarah didakwa, Najib kata ilmuan tunggak penting negara

Malaysian Insider

Sept 2, 2014

OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Selepas pendakwaan terhadap Pensyarah Undang-undang Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Azmi Sharom, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata ilmuan adalah tunggak penting kepada kemajuan negara.

"Ilmuan adalah tunggak penting dalam negara," kata perdana menteri ketika berucap merasmikan Anugerah Akademik Negara 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Putrajaya.

Azmi hari ini tidak mengaku bersalah dan mahu dibicarakan atas tuduhan menghasut berhubung kenyataannya tentang krisis Perlembagaan Perak.

Beliau didakwa kerana artikel bertajuk "Take Perak crisis route for speedy end to Selangor impasse, Pakatan told" (Ambil jalan krisis Perak, selesaikan segera kebuntuan Selangor, Pakatan diberitahu), dilaporkan sebuah portal berita pada 14 Ogos.

"Jika kita lihat dari sudut pengajian tinggi, saya dapat rumuskan antara objektif utama adalah membangunkan dan mewujudkan pusat penjana ilmu, khazanah ilmu yang tertinggi mesti dikembangkan dalam negara.

"Keduanya kita mahu apabila kita sebut generasi akan datang, kita hendak mereka macam mana, mereka ini yang terdidik, bukan semata-mata mempunyai kelulusan akademik, tetapi benar-benar terdidik.

"Ini tugas kita bila kita sebut legasi kepentingan anak cucu," kata Najib.

Beliau turut berkata faktor ekonomi dan guna tenaga juga memainkan peranan penting bagi menghadapi cabaran persaingan global.

"Ketiganya faktor ekonomi, guna tenaga kita untuk mengisi wawasan negara, persaingan global yang lebih sengit menuntut kita guna tenaga yang boleh ditempatkan sebagai mereka yang mempunyai syarat cukup dalam persaingan sengit," kata Najib.

Azmi yang juga presiden Persatuan Kakitangan Universiti Malaya (PKAUM) merupakan ahli akademik pertama didakwa Putrajaya dengan menggunakan akta drakonian yang sudah diguna pakai sejak penjajah British masih menjajah negara satu ketika dahulu.

Azmi,45, berhadapan tindakan pendakwaan kerana mengeluarkan kata-kata berunsur hasutan yang merupakan kesalahan mengikut Seksyen 4(1)(b), Akta Hasutan 1948.

Beliau juga didakwa dengan satu lagi dakwaan kerana menerbitkan kenyataan menghasut mengikut Seksyen 4(1)(c), akta yang sama.

Kedua-dua kesalahan boleh menyebabkannya dipenjarakan maksimum tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-dua sekali.

Timbalan Pendakwaraya Suhaimi Ibrahim mencadangkan wang jaminan dikenakan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin. Peguam Azmi, Gobind Singh Deo mengatakan anak guamnya menerima tawaran itu.

Hakim Mahkamah Sesyen Zainol Rashid Hussain menetapkan tarikh 3 Oktober untuk pendengaran kes.

Azmi menjadi ahli akademik pertama didakwa mengikut Akta Hasutan, yang mana akan dimansuhkan dan diganti dengan Akta Keharmonian Nasional yang kini di peringkat pengubalan.

Dalam masa dua minggu, beberapa pemimpin PR didakwa mengikut akta sama termasuk Rafizi Ramli dan N Surendran daripada PKR, Khalid Samad (PAS) dan RSN Rayer (DAP).

Juga dalam perbicaraan kerana tuduhan menghasut ialah Teresa Kok (DAP) dan Chua Tian Chang (PKR), sementara Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin (PAS) didakwa atas tuduhan membuat fitnah dua tahun lepas.

Kesemua wakil rakyat yang dipilih ini berdepan kemungkinan hilang jawatan mereka jika mahkamah menjatuhkan denda RM2,000 atau lebih atau hukuman penjara sekurang-kurangnya setahun. – 2 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-pensyarah-didakwa-najib-kata-ilmuan-tunggak-penting-negara#sthash.wFymkWhW.dpuf>